

MRSM: Pas Terengganu mahu temui Perdana Menteri

USA 11 JAN 1983

UALA TERENGGANU 10 Jan. — Kerajaan Pas berhasrat menemui Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri bagi membincangkan soal penutupan Maktab Rendah Sains Mara-Yayasan Terengganu (MRSM-YT) Besut dan Dungun oleh Mara.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Petroleum, Perindustrian dan Sumber Manusia negeri, Datuk Mustafa Ali berkata, ia adalah antara langkah yang akan diambil untuk memastikan dua MRSM itu terus dibuka untuk kepentingan rakyat.

Beliau percaya, meskipun keputusan itu dikatakan muktamad, Perdana Menteri tentunya berkeupayaan untuk menimbangakan semula persoalan yang menyentuh masa depan pendidikan di negeri ini.

“Menteri Pembangunan Usahawan (Datuk Seri Nazri Abdul Aziz) yang membuat keputusan menu-

tup MRSM ini masih ada mempunyai orang yang lebih besar.

“Oleh itu kita sanggup berjumpa dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad atau Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk membincangkan semula mengenai perkara ini,” katanya di sini, hari ini.

Kerajaan Pusat hari ini dilaporkan tidak akan mengadakan sebarang rundingan dengan kerajaan Terengganu berkenaan isu MRSM-YT Besut dan Dungun kerana rancangan penutupan kedua-duanya adalah muktamad.

Nazri ketika memberi kenyataan mengenai perkara itu berkata, semua pelajar akan dipindahkan ke lima buah MRSM iaitu tiga di Kelantan dan masing-masing satu di Kuala Terengganu dan Muadzam Shah, Pahang.

Selasa lepas, Nazri berkata, langkah itu ekoran

tindakan YT meminta Mara supaya mengosongkan bangunan MRSM Dungun yang menempatkan 300 pelajar dalam masa yang singkat.

Katanya, surat Yayasan Terengganu hanya diterima pada 20 Disember iaitu lebih kurang dua minggu sebelum pengajian bermula pada 5 Januari.

“Keadaan ini mendorong Mara untuk turut memindahkan 450 pelajar di MRSM Besut kerana khawatir mereka juga akan menerima nasib yang sama,” jelas Nazri.

Kedua-dua MRSM-YT itu ditubuhkan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) melalui ikatan perjanjian antara Yayasan Terengganu dengan Kerajaan Pusat.

Kerajaan negeri telah membelanjakan RM44 juta bagi pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur dua MRSM tersebut sejak penubuhannya pada tahun 1983.